

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]**

**TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:**

- (a) berapa banyak dan berapa lama lagikah Kerajaan perlu memberikan subsidi bahan api untuk tujuan penjanaan kuasa di Malaysia; dan
- (b) apakah jenis-jenis subsidi bahan api yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat Malaysia pada masa sekarang;

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pemberian subsidi kepada rakyat pada dasarnya adalah bagi meringankan beban golongan rakyat berpendapatan rendah. Bagi sektor elektrik, Kerajaan telah memperuntukkan subsidi bahan api kepada rakyat Malaysia dalam bentuk kawalan harga gas berpaip, subsidi harga diesel dan *medium fuel oil* (MFO), dengan izin, yang lebih rendah berbanding harga pasaran. Memandangkan kos bahan api adalah kos yang dilepaskan kepada pengguna, penetapan harga gas ini adalah untuk memastikan tarif pengguna ditentukan pada kadar yang berpatutan. Harga gas berpaip yang ditetapkan bagi Semenanjung adalah RM15.20/mmBtu manakala bagi Negeri Sabah adalah sebanyak RM6.40/mmBtu berbanding harga pasaran yang dianggarkan antara RM29 hingga RM32/mmBtu.
  
2. Jumlah subsidi yang diberikan oleh Kerajaan melalui penetapan harga gas berpaip yang lebih rendah daripada harga pasaran kepada pengguna elektrik di Semenanjung adalah dianggarkan sebanyak

RM12.5 billion pada tahun 2014. Manakala untuk negeri Sabah, subsidi bahan api gas adalah dianggarkan sebanyak RM2.1billion pada tahun 2014. Selain itu, Kerajaan juga turut memberikan subsidi bahan api diesel dan MFO untuk Sabah sebanyak RM683 juta bagi tahun 2014.

3. Selain itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan subsidi dalam bentuk pengecualian dari membayar bil elektrik bulanan sebanyak RM20 dan kebawah atau lebih dikenali sebagai rebat elektrik bermula Oktober 2008 bagi penggunaan elektrik bulanan tidak melebihi 200/kWj. Secara purata, bagi tahun 2014, jumlah tanggungan Kerajaan di bawah skim tersebut adalah sebanyak RM142,811,253.70 yang melibatkan sebanyak 1.12 juta pengguna domestik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhomat,

4. Tempoh pemberian subsidi bahan api ini adalah bergantung kepada pelbagai faktor termasuk aspek-aspek kos sara hidup yang tinggi, harga pasaran sejagat bahan bakar dan juga pelaksanaan *Incentive Based Regulation* (IBR) melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT). Pendek kata IBR ini adalah selaras dengan Program Rasionalisasi Subsidi yang telah dimulakan sejak tahun

2010. Apabila program ini berjaya dilaksanakan, maka subsidi bahan api akan terus dikurangkan dan akan diberhentikan kelak.

\*\*\*\*\*